

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bayaran balik GST yang dikutip, jumlah rebat GST yang dihutang dan mengapakah komitmen membayar rebat dalam masa dua minggu tidak dipenuhi. Nyatakan jumlah syarikat yang masih belum memperoleh bayaran balik berkaitan, nyatakan punca kelewatan dan jumlah kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 14 Mac 2016, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menerima 331,717 permohonan tuntutan bayaran kredit cukai input bagi tempoh April 2015 hingga Januari

2016 dan telah meluluskan 308,555 (93.02%) daripada jumlah permohonan bagi tempoh tersebut. Jumlah tuntutan bayaran kredit cukai input yang telah dibayar oleh JKDM bagi tempoh April 2015 hingga Januari 2016 adalah sebanyak RM17.46 bilion (84.88%). Manakala baki permohonan sebanyak 23,162 (6.98%) permohonan berjumlah RM3.11 (15.12%) bilion masih dalam proses pulang balik oleh pihak JKDM. Secara purata, bagi tempoh April hingga Disember 2015, sebanyak 48.9% permohonan telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja, 28.9% dalam tempoh 15 hingga 30 hari bekerja, manakala hanya 22.2% yang diproses melebihi 31 hari bekerja. Pihak JKDM sentiasa memantau proses tuntutan pulang balik kredit input cukai GST di mana prestasinya telah bertambah baik iaitu meningkat dari 41.60% pada bulan Julai kepada 69.01% pada bulan November bagi permohonan yang diproses dalam tempoh masa 14 hari bekerja, menurun dari 53.80% pada bulan Julai kepada 17.64% pada bulan November bagi permohonan yang diproses dalam tempoh masa 28 hari bekerja, dan meningkat dari 4.61% pada bulan Julai kepada 13.35% pada bulan November bagi permohonan yang diproses lebih daripada 30 hari bekerja. Penurunan prestasi tempoh pemprosesan tuntutan bagi tempoh 28 hari bekerja adalah disebabkan pihak JKDM menjalankan semakan audit dengan syarikat berkaitan yang menghantar tuntutan

melalui manual atau serahan secara tangan. Pihak JKDM memberi perhatian rapi terhadap perkara ini supaya proses tuntutan dikendalikan dengan cekap untuk membantu aliran tunai sektor perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pembayaran balik yang mengambil masa lebih daripada 14 hari bekerja untuk penyerahan secara elektronik adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang termasuk:

- i. Tuntutan dibuat dalam tempoh bercukai yang berlainan dimana tempoh bercukai adalah secara suku tahunan tetapi mengemukakan tuntutan secara bulanan;
- ii. Entri ke dalam GST-03 yang tidak betul/ tidak lengkap/ menyatakan butiran bekalan dalam ruangan yang salah menyebabkan maklumat yang tidak benar dan tidak dapat diteruskan untuk pemprosesan;
- iii. Syarikat tidak dapat dihubungi selepas 7 hari dari tarikh pengeluaran notis bagi membuat pengesahan dan maklumat lanjut. Ini menyebabkan permohonan hanya dapat diproses sekiranya pemohon berjaya dihubungi;
- iv. Tiada maklumbalas yang diterima daripada pemohon kepada

kuri/pertanyaan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);

- v. Tuntutan palsu/ diragui yang memerlukan semakan lanjut oleh JKDM;
- vi. Syarikat di bawah pendaftaran kumpulan mengemukakan penyata GST-03 secara individu; dan
- vii. Maklumat perbankan yang tidak tepat atau tidak lengkap oleh syarikat.